

INOVASI SOSIAL DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI NGO-BERKEBAJIKAN MELAYU ISLAM DI MALAYSIA

MARWAN BIN ISMAIL

KEVIN FERNANDEZ

NIK YUSRI MUSA

NOORHISYAM MD. NAWI

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai Inovasi Sosial di Organisasi Bukan Kerajaan (NGO's) Berkebajikan Melayu Islam yang terlibat dalam program pembangunan komuniti di Malaysia. Seramai sebelas (11) informan yang terdiri dari etnik Melayu Muslim dari sepuluh (10) organisasi telah dipilih sebagai informan kajian. Kajian ini telah melibatkan kepimpinan tertinggi dan kepimpinan pertengahan di Organisasi tersebut. Pengkaji telah memilih pendekatan kualitatif melalui teknik temubual secara bersemuka menggunakan instrumen soalan temubual separa struktur bagi menjawab objektif kajian. Kajian ini menumpukan kepada dua (2) persoalan mengenai inovasi sosial (NGO's) berkebajikan Melayu Islam. Pertama; Apakah jenis inovasi sosial yang telah dijalankan oleh NGO berkebajikan Melayu Islam. Kedua, Sejaumanakah inovasi sosial yang dijalankan dapat meningkatkan nilai sosial sesuatu program pembangunan komuniti. Umumnya, hasil kajian ini, mendapati kebanyakan inovasi sosial yang telah dilaksanakan oleh (NGO's) berkebajikan berbentuk perkhidmatan dan produk. Hasil kajian turut mendapati Inovasi sosial yang telah dijalankan telah menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan masyarakat.

Keywords: Kata kunci: Organisasi bukan kerajaan (NGO) berkebajikan Melayu Islam; Pembangunan komuniti; Inovasi sosial; Nilai sosial.

First Author : Marwan bin Ismail
Designation : Pensyarah
Address : Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah,
Karung berkunci 01, Kampus Universiti Malaysia
Kelantan
Bachok, Kelantan Darul Naim
Office : 09-7717151
Fax : 09-7797122
H/P : 019-9522356
Email : marwan@umk.edu.my

1.0 PENGENALAN

Dunia kini menghadapi pelbagai cabaran dan masalah sama ada isu-isu yang melibatkan ekonomi, sosial, wabak penyakit, alam sekitar, perubahan cuaca, kekurangan sumber tenaga dan sebagainya. Jika, isu ini tidak mampu ditangani dengan baik ia boleh memberi masalah kepada masa depan manusia. Oleh itu, inovasi sosial melalui percambahan idea dan pendekatan terbaharu dalam bentuk penghasilan produk dan perkhidmatan amatlah diperlukan sebagai jawapan kepada setiap masalah yang dihadapi oleh manusia (New Straits Times, 22 Januari 2013).

Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) Berkebajikan sebagai agen sosial turut berperanan untuk mendepani permasalahan dan isu-isu sosial yang berlaku di persekitaran masyarakat yang memerlukan. Justeru, program pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh NGO ini perlu mempertimbangkan inovasi sosial sebagai suatu pendekatan terbaik untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab tersebut. Malah kerajaan Malaysia telah menginisiatifkan dasar inovasi pada tahun 2010 dan pelbagai inisiatif dalam pelbagai bentuk sokongan untuk menjayakannya.

Bagi menyokong penghasilan dan pembudayaan inovasi sebanyak empat (4) dana penggalak yang telah disediakan untuk menjalankan inisiatif yang berkaitan inovasi. Antaranya, *Science Fund*, *Techno Fund*, *InnoFund*, skim geran penyelidikan Nano teknologi yang boleh diambil peluang oleh pelbagai pihak yang berminat sama ada disektor kerajaan, swasta mahupun oleh organisasi bukan kerajaan (NGO) (Utusan Malaysia, 26 Julai 2013).

Oleh itu, NGO berkebajikan tidak terkecuali untuk melaksanakan dasar tersebut melalui pembudayaan inovasi sosial dalam program berkebajikan yang dilaksanakan untuk menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Pembudayaan inovasi sosial dalam skop kajian ini adalah untuk meneroka mengenai jenis inovasi sosial yang telah dilaksanakan oleh NGO berkebajikan Melayu Islam di Malaysia. Sejauhmanakah inovasi sosial tersebut menyumbang kepada peningkatan nilai sosial kepada golongan masyarakat memerlukan di Malaysia.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah memilih metodologi kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian ini, telah menggunakan teknik temubual secara bersemuka dengan sembilan (9) informan yang melibatkan kepimpinan tertinggi dan pertengahan dari tujuh (7) NGO-BMI di Malaysia.

3.0 KONSEP INOVASI SOSIAL

Sebelum menyentuh mengenai konsep inovasi sosial. Terlebih dahulu pengkaji akan mendefinisikan perkataan inovasi dan diikuti dengan perkataan sosial. Kebiasaanya perbincangan mengenai perkataan inovasi secara langsungnya berkaitan dengan sektor ekonomi swasta. Perkataan inovasi ini terhasil dari suatu aktiviti perniagaan yang melibatkan proses pengeluaran dan penawaran suatu barangan atau perkhidmatan untuk dijual bagi keperluan pasaran (Gregcoire, 2016).

Namun bagi Drucker (1985) penggunaan perkataan inovasi kebiasaanya merujuk kepada suatu proses yang melibatkan motif ekonomi atau sosial berbanding dengan motif teknologi. Manakala *Organisation for Economic Co-Operation and Development & Eurostat* (OECD), mendefinisikan inovasi sebagai melaksanakan sesuatu yang baru atau melakukan penambahbaikan terhadap sesuatu produk (barangan atau perkhidmatan), atau memperkenalkan sesuatu proses atau metod pemasaran baru atau memperkenalkan bentuk organisasi baru dalam amalan perniagaan atau dalam persekitaran kerja atau yang melibatkan aspek hubungan luar organisasi (OECD, 2005). Sehubungan itu, inovasi merupakan suatu proses untuk menghasilkan sesuatu yang terbaru. Ia merupakan suatu inisiatif untuk melakukan penambahbaikan terhadap produk, proses kerja, bahan-bahan dan perkhidmatan. Kebiasaanya sesuatu di bangukan di sektor perindustrian untuk di pasarkan bagi memenuhi keperluan pengguna (Bruton, 2011).

Shumpeter melihat inovasi berkaitrapat dengan apa jua usaha yang berbeza untuk melakukan sesuatu dari konteks memperolehi faedah ekonomi. Ianya

melalui pendekatan kombinasi baru yang dapat ditafsirkan beliau sebagai “eksploitasi”. Kombinasi baru ini melibatkan lima (5) jenis inovasi. Antaranya; memperkenalkan produk baru konsumen, kaedah baru dalam pengeluaran atau pengangkutan, pasaran baru, sumber baru dan jenis baru organisasi industri (Fayolle, 2007). Terdapat dua (2) kriteria utama untuk membuat penilaian mengenai kewujudan inovasi sama ada dari aspek proses atau produk. Pertama, penghasilan sesuatu yang baru untuk ditawarkan kepada pengguna. Kedua, ia merupakan suatu penambahbaikan terhadap suatu proses atau produk yang lebih efektif dan efisien berbanding dengan apa yang telah sedia ada (Phills Jr., Deiglmeier & Miller, 2008).

Manakala perkataan sosial pula merujuk kepada masyarakat atau suasana perhubungan antara individu dalam sesebuah masyarakat. Penggunaan perkataan sosial dalam konteks inovasi sosial ini mempunyai pengertian yang cukup luas. Ia boleh merujuk kepada kepada setiap perkara berkaitan dengan hubungan antara individu dan keperluan kehidupan bermasyarakat. Walau bagaimanapun perkataan sosial dalam konteks inovasi sosial adalah berkaitan dengan berlakunya perubahan sosial masyarakat yang gerakkan oleh sesuatu inovasi (Gregcoire, 2016).

Inovasi sosial pula merujuk kepada suatu aktiviti atau proses inovasi yang bertujuan untuk memenuhi keperluan sosial masyarakat. Sehubungan itu, ia melibatkan suatu aktiviti yang berinovatif untuk menawarkan sesuatu perkhidmatan kepada masyarakat. Ianya di dorong untuk memenuhi sesuatu keperluan sosial. Oleh itu, ia menjadi keutamaan kepada sesebuah organisasi yang terlibat untuk melakukan inovasi bagi tujuan melaksanakan suatu transformasi sosial (Mulgan, 2007). Manakala, menurut Howaldt (2016) inovasi sosial dapat diertikan sebagai suatu kombinasi baru yang melibatkan suatu proses secara kolektif sekumpulan ahli untuk mempelajari dan menghasilkan satu penemuan baru yang menjadi amalan masyarakat bagi memenuhi tuntutan dan keperluan sosial masyarakat.

Konsep inovasi turut menarik minat para sarjana untuk membincangkannya sama ada dalam kontek bidang perniagaan dan sosial mahupun dalam pelbagai

bidang keilmuan. Menurut Bessant & Tidd (2011) inovasi boleh di hasilkan melalui aktiviti penyelidikan secara saintifik. Ia merupakan suatu aktiviti sistemetik yang melibatkan rangkaian perkongsian idea dari pelbagai sumber maklumat dan individu. Oleh itu, mereka menyarankan tentang kepentingan usaha untuk mewujudkan makmal penyelidikan di dalam setiap organisasi. Kewujudannya merupakan teras kepada aktiviti inovasi sama ada kepada inovasi produk mahupun terhadap proses inovasi.

Bagi mereka sesuatu idea inovasi boleh berlaku melalui pelbagai keadaan, antaranya; a) disebabkan berlakunya peristiwa yang memberi kejutan kepada sistem yang memaksa kita berfikir dan mencari halatuju baru untuk inovasi. b) Melalui peristiwa yang berlaku secara tidak sengaja boleh membuka peluang kepada aktiviti inovasi. c) Membuat pemerhatian terhadap orang lain. Oleh itu, aktiviti inovasi boleh berlaku melalui proses meniru dan memperbaiki terhadap apa yang telah sedia ada wujud, d) pengguna sebagai inovator e) Membuat penggabungan inovasi, terhadap idea dan aplikasi dalam bentuk baru, f) meneroka alternatif masa depan dengan membuka ruang kepelbagaian kemungkinan yang bakal berlaku pada masa hadapan.

Zaini Ujang (2009a) mengutarakan tentang kepentingan pembudayaan inovasi dalam sesebuah masyarakat. Bagi beliau pembudayaan inovasi dapat yang di ertikan sebagai kesediaan seseorang individu dan masyarakat untuk melaksanakan perubahan, keberanaian untuk mencuba perkara dan cara baru dalam seluruh aspek kehidupan untuk kemakmuran, kedamaian, kesenangan, kesejahteraan dan kelestarian menerusi penyelesaian kreatif.

Selain itu, Zaini Ujang (2010b) turut menyentuh mengenai keperluan untuk mewujudkan eko- sistem inovasi yang sihat di sesebuah organisasi. Terdapat tiga (3) faktor utama untuk menjayakan keperluan tersebut. Ia melibatkan a) strategi b) struktur dan c) budaya.

- a) Strategi; dalam konteks inovasi ialah mempunyai satu kaedah yang terbaik, terpantas, termurah untuk mencapai sesuatu objektif menerusi penjanaan nilai dan impak tinggi.

- b) Struktur; membuat penilaian semula terhadap struktur organisasi agar ianya lebih sesuai dengan strategi baru yang dirangka.
- c) Budaya organisasi; berasaskan kepada kebolehbelaian yang tinggi dan penghargaan kepada nilai ilmu yang menjadi teras kepada kreativiti dan inovasi (Zaini Ujang, 2010b).

Selari dengan itu, Kong (2010) menyatakan modal intelektual merupakan proses penting untuk merangsang budaya inovasi dalam sesuatu perusahaan sosial. Terdapat tiga (3) komponen penting modal intelektual yang perlu dikenalpasti. Ianya di istilahkan sebagai modal manusia, modal perhubungan (*relation capital*) dan modal struktural (*structural capital*).

- a) Modal manusia, diuraikan sebagai pelbagai elemen sumber manusia yang merangkumi sikap, kecekapan, pengalaman, kemahiran dan apa yang lebih penting adalah mengenai bakat dan daya inovasi seseorang. Dengan kata lain, modal manusia merupakan sumber kepada inovasi dan pembaharuan strategik.
- b) Modal perhubungan, pula adalah mewakili hubungan organisasi dengan pemegang taruh luaran dan mengenai pandangan mereka terhadap organisasi. Ia berkaitan dengan berlakunya pertukaran mengenai apa jua pengetahuan antara organisasi dan pemegang taruh luaran. Hasilnya, ia dapat mempertingkatkan kebolehan organisasi untuk memperolehi idea dan pengetahuan baru dalam menyediakan perkhidmatan dan produk yang terkini selari dengan apa yang diperlukan oleh pemegang taruh.
- c) Modal struktural, merujuk kepada elemen bukan manusia yang merupakan simpanan kepada pengetahuan organisasi. Umpamanya, pengkalan data, strategi, proses manual, budaya, pengorganisasian, rutin, bahan penerbitan, hak cipta yang dapat menghasilkan nilai kepada organisasi. Kepentingannya kepada organisasi kerana ia mempunyai hubungan langsung dengan mekanisme dan struktur sesebuah organisasi. Selain itu, ia menjadi pelengkap kepada tingkahlaku inovasi individu dan menjadikan inovasi dapat dilaksanakan secara optimum dalam sesebuah organisasi.

Oleh itu, kemampuan sesuatu NGO berkebjikan menjadikan ketiga-tiga komponen ini untuk saling berperanan dan bergandingan antara satu sama lain akan menjadi ramuan terbaik untuk melaksanakan inovasi sosial (Kong, 2010).

Bagi Goldstein, et. al (2010) keperluan untuk melakukan sesuatu inovasi sosial melibatkan interaksi antara dua (2) parameter. Pertama, tekanan yang mewujudkan peluang. Ia merupakan suatu permasalahan yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Masaalah ini tidak mampu untuk diselesaikan melalui pendekatan perniagaan biasa. Oleh itu, satu usaha dan koordinasi dari pelbagai pihak di perlukan untuk melakukan satu inovasi sosial bagi mengenalpasti sempadan dan potensi, sama ada dari aspek masalah atau peluang yang diperolehi untuk melaksanakan suatu tindakan sosial.

Kedua, kemampuan untuk meneliti perbezaan maklumat yang memungkinkan untuk mewujudkan ruang untuk capaian maklumat di kalangan entiti sosial yang berkaitan dengan aktiviti keusahawanan sosial. Kepelbagaian maklumat yang berbeza dapat menghasilkan sesuatu inovasi yang begitu kreatif. Walau bagaimanapun, perbezaan maklumat ini hendaklah mudah dicapai bagi menghasilkan sesuatu inovasi sosial. Maklumat ini perlu dikenalpasti, dikumpul, diperkukuhkan, ditafsir, dan disebar. Seterusnya, maklumat ini perlu disentesiskan secara berkesan sebagai satu sistem yang boleh menggerakkan suatu tindakan kolektif di kalangan aktor sosial bagi melaksanakan inovasi sosial untuk kepentingan masyarakat.

Oleh itu, inovasi sosial ini boleh dilaksanakan dengan berkesan melalui interaksi antara kedua-dua parameter tersebut. Tekanan peluang (*opportunities tension*) hendaklah cukup signifikan bagi menjustifikasikan aktor sosial untuk melakukan cara baru bagi menghadapi permasalahan yang wujud. Seterusnya, menggunakan pelbagai maklumat yang berbeza sebagai sumber untuk melakukan inovasi sosial.

Ringkasnya, bagi Goldstein, et. al (2010) inovasi sosial merujuk kepada suatu pengetahuan melalui penggunaan pelbagai perspektif yang berbeza untuk

mengenalpasti peluang bagi melakukan sesuatu tindakan sosial. Selain itu, membentuk hubungan dan jalinan kerjasama di kalangan aktor sosial bagi menghadapi sesuatu permasalahan sosial yang berlaku dalam persekitaran komuniti (Goldstein et. al. 2010).

Sementara itu, bagi Drucker (1985) menyarankan pentingnya institusi awam seperti agensi kerajaan, universiti, sekolah, hospital, institusi kebajikan dan kemasyarakatan hendaklah menerapkan ciri keusahawanan dengan menggunakan pendekatan yang berinovatif, sepertimana yang berlaku dalam entiti perniagaan. Mereka perlu mengenalpasti setiap perubahan yang sedang berlaku sama ada aspek sosial, teknologi, ekonomi dan perubahan demografi manusia. Oleh itu, keperluan kepada inovasi sosial merupakan satu pendekatan yang sesuai untuk menangani setiap perubahan yang berlaku. Sepertimana saranan beliau;

The late nineteenth century and early twentieth century was a period of tremendous creativity and innovation in the public services field....the next twenty years or thirty years will be different. The need for social innovation may be even greater, but it will very largely have to be social innovation within the existing public service institution (Drucker, 1985).

Berdasarkan kepada perbincangan konsep dan literatur mengenai inovasi menghasilkan pelbagai sudut pandangan yang luas dari para sarjana sama ada dalam konteks perniagaan mahupun sosial. Umumnya apa yang dapat pengkaji rumuskan mengenai inovasi ialah suatu pendekatan terbaru yang digunakan untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan manusia sama ada dalam bentuk perkhidmatan mahupun produk oleh sesebuah organisasi perniagaan mahupun sosial.

Sehubungan itu, inovasi sosial pula merujuk kepada suatu proses yang menggunakan pelbagai sumber secara kreatif oleh usahawan sosial untuk mengatasi permasalahan sosial yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Ia melibatkan kemampuan untuk mengenalpasti masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Seterusnya mempunyai kemampuan untuk mengemukakan idea baru untuk dilaksanakan sama ada dalam bentuk penawaran perkhidmatan atau produk. Ia hendaklah sesuatu yang berdaya

saing dari sama ada dari aspek kos, kualiti dan kecekapan berbanding dengan apa yang telah sedia ada ke arah peningkatan nilai sosial masyarakat.

Bagi pengkaji, inovasi sosial adalah satu pendekatan yang berinovatif dan kreatif bagi membolehkan sesebuah NGO-BMI melakukan transformasi sosial dengan lebih berkesan dalam setiap program pembangunan komuniti yang dijalankan. Ini kerana, inovasi sosial merupakan suatu pendekatan yang mampu memberi impak yang baik kepada NGO-BMI dari aspek sumber, kos operasi, meningkatkan produktiviti. Manakala impak kepada masyarakat pula melibatkan peningkatan kepada kualiti kehidupan mereka.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah memilih metodologi kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian ini, telah menggunakan teknik temubual secara bersemuka dengan sembilan (9) informan yang melibatkan kepimpinan tertinggi dan pertengahan dari tujuh (7) NGO-BMI di Malaysia.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil kajian mengenai inovasi sosial, pengkaji mendapati majoriti NGO-BMI telah melaksanakan inovasi sosial dalam menawarkan perkhidmatan atau produk untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam komuniti. Sehubungan itu antara ciri inovasi sosial yang pengkaji dapati dalam kajian ini adalah dengan mengenalpasti masalah penting yang terdapat dalam komuniti dan ianya masih belum lagi banyak diterokai oleh agensi bantuan lain untuk menyelesaikannya.

Justeru inisiatif sosial yang dijalankan oleh organisasi ini sesuatu yang berbeza, unik sesuatu yang baru berbanding dengan pendekatan yang sedia ada sama ada dalam bentuk program, kelompok sasaran mahupun bidang tujuan yang membawa penambahbaikan kepada keperluan sesuatu nilai sosial. Malah mereka juga dapatlah dikatakan sebagai inovator dan perintis

dalam mencari peluang baru dalam menawarkan perkhidmatan mereka kepada sesuatu permasalahan yang berlaku dalam masyarakat.

create the new things,..apa yang ambo dapat pengalaman masa dalam, CUEPACS masa kerja dulu, ambo (saya) implement sini,..hok ni,.. hok baru pulak, ambo perkenalkan skim anak angkat (Inf 1).

Selain itu inovasi sosial juga dilihat dalam bentuk mengemblengkan kepelbagaian sumber yang ada melalui strategi pembinaan rantaian kerja dan menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi bantuan lain. Di samping itu juga, kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan sumber yang ada di persekitaran organisasi juga merupakan sesuatu usaha yang berinovasi dalam memberi perkhidmatan kepada komuniti dalam pelbagai bidang yang di ceburi oleh NGO-BMI di Malaysia. Perihal ini telah dinyatakan oleh informan 3 dan 20.

yang terbaiknya kita bina network dan network kita ni,..sekarang ni semakin meluas, Alhamdulillah semakin, meluas, dulu kita sama-sama dalam warga ABIM yah,..agensi ABIM mari,.. NGO pun, sekarang ni mari, semakin meluas (Inf 2).

inovasi sosial yang kita ada setakat ini, kita lebih kepada networking...kita mengalukan setiap kumpulan yang mahu bekerjasama dengan kita....nak meraih win-win situation adalah inovasi sosial kita (Inf 9).

Sehubungan itu juga, pengkaji mendapati terdapat juga pembudayaan inovasi sosial di NGO-BMI ini melalui penubuhan unit penyelidikan dan pembangunan di organisasi. Di mana unit ini dipertanggungjawabkan untuk pergi kelapangan bertemu dan mengenalpasti kelompok sasaran terlebih dahulu. Langkah ini perlu dilaksanakan oleh organisasi terlebih dahulu sama ada untuk memastikan kelayakan untuk menerima bantuan dan juga untuk, merangka program yang bersesuaian untuk mereka.

jadi kita ada Research & Development program yang akan bergerak untuk mencari mana orang yang kita rasa susah akan pergi tengok orang tu sendiri (Inf 3).

Selain dari aspek inovasi sosial yang menawarkan bantuan dalam bentuk perkhidmatan sepertimana yang telah dibincangkan di atas. Terdapat juga

NGO-BMI yang menghasilkan inovasi melalui penawaran produk seperti menghasilkan *water feed gravity* untuk mengatasi permasalahan keperluan bekalan air bersih di kalangan masyarakat pedalaman. Ia dilakukan melalui menggembelengan pelbagai sumber yang melibatkan sumber tenaga manusia, sumber alam yang ada di persekitaran komuniti. Pendekatan inovasi sosial ini telah berjaya memberikan bekalan air bersih kepada penduduk pedalaman dengan kos yang lebih minimum berbanding pendekatan pembekalan air secara konvensional yang melibatkan kos yang lebih tinggi.

water feed gravity system tu dia sebenarnya macam air tu disalurkan daripada mata air yang ada ,,yang dia identify kan mata air yang ada berdekatan dengan kampong ni la, kita adakan gotong royong dengan penduduk kampong tu dengan bajet yang kita ada...secara minumun untuk keperluan mungkin untuk 30 buah rumah macam tu (Inf 4).

Sehubungan itu terdapat inovasi sosial yang dilaksanakan oleh NGO-BMI yang memberikan perkhidmatan kesihatan kepada golongan yang memerlukan dengan kos yang cukup rendah berbanding perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh klinik swasta. Pesakit hanya dikenakan dengan bayaran perkhidmatan yang sangat minimum iaitu sebanyak RM 5.00 di klinik-klinik waqaf yang di uruskan oleh organisasi ini.

Waqaf Annur bina klinik,..pusat dialisis pun ada di situ, jadi,..mereka-mereka yang kurang berkemampuan ini, ataupun berpendapatan rendah ni,.. boleh ker,.. kalau sekiranya sakit,.. dapat rawatan dailisis,..dan jugak pergi klinik,..dengan bayaran yang,.. lima ringgit (Inf 6).

Meskipun, bayaran perkhidmatan yang dikenakan sangat murah untuk pesakit menerima perkhidmatan kesihatan. Namun, dari segi kualiti perkhidmatan, rawatan dan ubat-ubatan yang disediakan kepada pesakit mempunyai kualiti yang setara dengan perkhidmatan yang diperolehi di klinik swasta. Bagi membolehkan klinik waqaf ini terus kekal untuk memberikan perkhidmatan mereka dengan bayaran yang sangat minimum kepada pesakit yang menerima rawatan. NGO-BMI ini telah menggunakan pendekatan yang berinovatif melalui pengemblengan sumber kewangan dari agensi lain yang melibatkan syarikat korporat dalam dan luar kumpulan Johor Corporation Berhad serta memperolehi kerjasama dari Majlis Agama Negeri Johor.

klinik kalau kita lihat tak boleh sustain sendiri,..tapi dengan sebab adanya sumbangan-sumbangan daripada orang awam ni,..kalau nak mengharapkan dengan tabung sahaja,..dia tidak boleh sustain sendiri,..memang tak boleh,..tapi dengan sebab kita ada,.. group,..kita ada KPJ yang turut memberi sumbangan (Inf 6).

Selain itu, NGO-BMI ini untuk menyelesaikan permasalahan berkenaan dengan keperluan kediaman dan perumahan mampu milik. Di mana NGO-BMI ini telah bekerjasama dengan syarikat swasta bagi menyediakan rumah kediaman mampu milik yang berkualiti untuk ditawarkan kepada masyarakat berpendapatan rendah. Selain itu, ia juga menyediakan skim pinjaman bagi pembiayaan perumahan dengan tawaran kadar faedah yang lebih rendah berbanding agensi keewangan yang lain. Pendekatan yang dilakukan ini dengan tujuan untuk membantu menyelesaikan permasalahan golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman mampu milik yang berkualiti.

baru-baru ni kita terlibat dalam perumahanlah,..perumahan untuk mampu milik lah,..Waqaf Annur,..dia terlibat dari sudut funder,..contohnya,..Johor Land sebagai pemaju, yang bina rumah mampu milik tu..Waqaf Annur,..untuk bagi pinjaman,..dengan faedah yang minimalah...tujuannya nak membantu,..mereka mendapatkan rumah (Inf 6).

Kajian ini juga, mendapati terdapat NGO-BMI yang melaksanakan inovasi sosial melalui program bantuan pemulihan penagih dadah dari masalah ketagihan dadah. Organisasi ini, telah menggunakan pendekatan yang berbeza dalam program pemulihannya berbanding pendekatan yang biasa dijalankan oleh agensi pemulihan dadah yang lain.

Terdapat beberapa inovasi sosial yang telah di laksanakan untuk program pemulihan dadah di organisasi ini. Pertamanya, kebanyakan penagih dadah yang menerima rawatan pemulihan di sini bukan berasaskan kepada tangkapan atau paksaan. Kebanyakan yang datang untuk memperolehi rawatan pemulihan secara sukarela dan bukannya melalui perintah mahkamah dan sebagainya. Keduanya, pusat pemulihan di sini tidak berpagar, Ini kerana

falsafah pemulihan adalah bermula dari dalam diri penagih bukannya kerana paksaan untuk pulih dari penagihan dadah.

Dan teruslah pengasih ni tak da pagar, tak ada undang-undang, tiada court order,..perintah mahkamah bagaimana nak menarik penagih untuk datang berubat,...tiada perintah mahkamah...bagaimana nak menarik penagih dadah untuk datang berubat (Inf 7).

Ketiga, pendekatan tidak menggunakan *substance* atau ubatan yang dijadikan gantian kepada dadah umpunya *methadone*. keempat konsep pemulihan berasaskan kepada *bio-psiko sosial* yang merujuk pendekatan kembali kepada fitrah. Apa yang pengkaji dapati pendekatan *bio-psiko-sosial* telah menggabungkan pendekatan psikologi, amalan agama, sokongan keluarga, rakan-rakan penagih dan pendekatan *role model* dalam program pemulihan dadah yang dilaksanakan di organisasi ini.

(P) Jadi konsep pemulihan di sini mengikut kaedah bio psiko-sosial...aaa... jadi saya cuba interprete sebagai kembali kepada fitrah ? (I) ya. memang fitrah la tu (Inf 8).

Ya kita tak ada methadone, kita mandi-mandi rehat dan antara lain yang saya nampak, minum air yaasin, minum air yassin...(khalayak ketawa) betul, betul,..jadi itu nampak berbeza dengan orang lain,,pagar tak ada dan philosophy kepada perubahan pada diri kita, itu yang kita letak kat depan sekali are your consious clear (Inf 7).

Keempat, majoriti sukarelawan dan staf yang bertugas di organisasi pemulihan ini adalah terdiri dari kalangan mereka yang pernah mempunyai pengalaman dan mengalami masalah penagihan dadah dan mereka juga merupakan alumni di organisasi ini. Ini kerana hanya mantan penagih yang mampu merasai permasalahan yang dihadapi oleh penagih dan mereka lebih memahami pendekatan yang lebih sesuai untuk membantu rawatan pemulihan kepada penagih dadah.

sebenarnya jalan keluar ini cukup banyak dan apa yang perasaan dan apa yang dia orang rasa saya pernah merasainya dulu dan saya tahu apa yang dia fikir,.. apa yang kita fikir, pasal apa bila kita datang dari arah yang sama ni, maksud saya,..sakit yang sama tadi, kita akan mempunyai satu karakter, mentaliti, emosional, all it this same, aaa, jadi cara nak pengendalian (Inf 8).

Justeru, dapatan kajian ini menunjukkan amalan inovasi sosial ini selari dengan pendekatan inovasi yang disarankan oleh Shumpeter melalui teknik penggabungan semula kepada sumber yang ada untuk dieksplotasikan bagi menghasilkan sesuatu yang baru dan terkini sama ada dalam produk atau perkhidmatan yang boleh ditawarkan bagi memenuhi keperluan masyarakat (Foyalle, 2007).

Sehubungan itu, inovasi yang diamalkan oleh NGO-BMI tersebut merupakan sesuatu yang dapat memberikan sesuatu nilai kepada masyarakat sama ada dari aspek sosial mahupun ekonomi sepertimana yang disarankan oleh Drucker (1985). Di mana inovasi sosial terhasil apabila wujudnya permasalahan dalam masyarakat yang memberikan tekanan peluang kepada individu atau organisasi untuk melaksanakan sesuatu inisiatif yang berinovasi melalui kerjasama antara aktor sosial untuk bekerjasama menyelesaikannya sepertimana dapatan kajian yang dikemukakan oleh Goldstein et. al (2010), Mulgan (2007) dan Bessant & Tidd (2011).

Begitu juga, inovasi sosial yang telah diamalkan oleh NGO-BMI telah memenuhi kriteria inovasi yang disarankan dalam kajian A. Phillis Jr. et al. (2008). Di mana ia melibatkan sesuatu yang baru untuk ditawarkan kepada pengguna dan ia merupakan suatu penambahbaikan kepada produk atau perkhidmatan yang telah sedia ada.

7.0 Kesimpulan

Hasil dari perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan inovasi sosial dalam pelbagai bentuk yang melibatkan penawaran perkhidmatan mahupun produk telahpun dilaksanakan oleh kebanyakan NGO-BMI di Malaysia bertujuan untuk meningkatkan nilai sosial. Di mana inovasi sosial ini berupaya memberikan jalan penyelesaian yang unik dan berbeza kepada permasalahan yang berlaku dalam persekitaran kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, persoalan inovasi sosial ini perlu menjadi fokus utama dan budaya kepada NGO yang terlibat dalam program yang berkaitan dengan pembangunan komuniti.

RUJUKAN

- Bessant, John & Tidd, Joe. 2011. *Innovation and Entrepreneurship*. Second Edition. West Sussex, UK: John Wiley & Son, Ltd.
- Bruton, Garry D..2011. *Strategic Management of Technology and Innovation*. Kanada : South-Western CENGAGE Learning.
- Fayolle, Alain. 2007. *Entrepreneurships and New Value Creation : The Dynamic of the Entrepreneurial Process*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Gregoire, Maud. 2016. Exploring Various Approaches of Social Innovation: A Francophone Literature Review and a Proposal of Innovation Typology. *Mackenzie Management Review*. 17(6) pp 45-71.
- Howaldt, Jurgen., Domanski, & Kaletka, Christopher. 2016. Social Innovation : Towards a New Paradigm. *Mackenzie Management Review*. 17(6) pp 20-44.
- Mulgan, Geoff. 2007. *Social Innovation : What it is, Why it Matter and How it Can be Accelerated*. Skoll Centre for Social Entrepreneurship. London: Oxford Said Business School.
- OECD and Eurostat. 2005. *Manual-Guidelines for Collecting and Interpreting Innovation Data*. OECD, Paris.
- Phills, A., Deigmier & T. Miller. 2008. “Rediscovering Social Innovation”. *Stanford Social Innovation Review*. Fall 2008. Vol. 6, No 4.
- Zaini Ujang. 2009 (a). *Universiti Kreativiti Inovasi*. Skudai : Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2010 (b). *Budaya Inovasi Pra Syarat Model Ekonomi Baru*. Skudai: Penerbit UTM Press.

Akhbar

- New Straits Times*. 2013. “ Innovation is All Around Us”. (22 Januari).
- Utusan Malaysia*. 2013. “Pengkomersilan Inovasi Keutamaan MOSTI”. (26 Julai 2013).

Temubual

- Akademi Pembangunan Ummah (APU)
Islamic Outreach ABIM (IOA)
Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH)
Yayasan Anak Yatim Malaysia (YAATIM)
Yayasan Sejahtera
Waqaf An-Nur Corporation
Islamic Relief Malaysia (IRM)